



*Menzahir
Masa Depan
Yang Mampun*

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Serta-Merta

Sime Darby Berhad menjual Pelabuhan Weifang untuk RMB1.92 bilion, keluar dari perniagaan logistik

PETALING JAYA, 4 Julai 2022 – Sime Darby Berhad hari ini mengumumkan bahawa sebuah anak syarikat milik penuh tidak langsung Kumpulan, Sime Darby Overseas (HK) Limited (SDOHK), telah memeterai perjanjian jualan saham dengan SPG Bohaiwan Port Group Company Limited untuk melupuskan syarikat-syarikat Pelabuhan Weifang pada harga RMB1.92 bilion (kira-kira RM1.27 bilion). Penjualan ini sekaligus menandakan pengakhiran perniagaan Kumpulan dalam bidang pelabuhan yang bukan perniagaan terasnya.

Di samping hasil pelupusan tersebut, SDOHK akan menerima jumlah indikatif sebanyak RMB541 juta (kira-kira RM357 juta) sebagai bayaran balik bagi pinjaman pemegang saham.

SPG Bohaiwan Port Group adalah sebahagian daripada Shandong Port Group Co. yang ditubuhkan oleh kerajaan wilayah Shandong untuk menyatukan aset pelabuhan di wilayah tersebut.

Hasil daripada jualan syarikat-syarikat Pelabuhan Weifang oleh Sime Darby akan digunakan sebagai dana pelaburan dalam perniagaan teras Kumpulan dalam sektor Perindustrian dan Automotif pada masa depan, untuk perbelanjaan modal dan/atau pembayaran balik pinjaman jangka pendek.

Pada beberapa tahun kebelakangan ini, Sime Darby telah secara beransur-ansur melupuskan aset yang telah dikenal pasti sebagai bukan teras, sebagai sebahagian daripada usaha Kumpulan untuk menyelaraskan portfolio dan

menggunakan semula modal untuk menyokong pertumbuhan perniagaan teras dalam bidang Perindustrian dan Automotif. Pelupusan ini termasuk penjualan perniagaan pengurusan air di Weifang, kepentingan dalam Tesco Malaysia, Eastern & Oriental Berhad dan tiga pelabuhan sungai di Jining.

“Sukacita kami berkongsi bahawa sebahagian besar daripada pelan penyusunan semula aset bukan teras kami telah dicapai pada hari ini dengan penjualan syarikat-syarikat Pelabuhan Weifang, iaitu perniagaan terakhir yang kami miliki dalam bahagian Logistik. Tempoh beberapa tahun lepas ini amat mencabar bagi sektor pelabuhan, dan kami terutang budi kepada kerajaan wilayah Shandong kerana menyempurnakan penjualan ini, lantas membolehkan kami menyalurkan dana yang diraih untuk mengembangkan perniagaan teras kami.”

“China kekal sebagai salah satu pasaran penting yang menyumbang hampir 40 peratus daripada hasil Kumpulan. Perniagaan Perindustrian dan Automotif di sana meliputi 120 lokasi dan 14 wilayah. Kami berharap untuk menyalurkan hasil yang kami terima daripada pelupusan ini untuk meluaskan dan mengukuhkan kedudukan kami dalam sektor perindustrian dan automotif di China dan juga terus menerokai peluang dalam pasaran lain,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Dato’ Jeffri Salim Davidson.

Perjanjian jual beli saham dijangka selesai menjelang suku keempat tahun 2022.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Presenna Nambiar

Komunikasi Kumpulan

Sime Darby Berhad

Tel: +60164782554

E-mel: presenna.nambiar@simedarby.com

Mengenai Sime Darby Berhad

Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama yang paling dikagumi dalam sektor Perindustrian dan Automotif di seluruh dunia. Kami

menjanjikan nilai lestari untuk pihak-pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan dalam operasi, piawai prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad diasaskan pada tahun 1910 dan kini mempunyai tenaga kerja kira-kira 20,000 kakitangan dan kehadiran di 19 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM14.71 bilion (USD3.34 bilion) pada 1 Julai 2022. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarby.com.